

HI-LIGHT

EDISI KE-3

"TOWARDS ACADEMIC EXCELLENCE"

*We create an all round
experience for our
members of staff and
student*

**LET'S BUILD GREAT
THINGS TOGETHER**

DEAN FOREWORD



DARI MEJA PENGARANG



SIDANG REDAKSI

Penaung

Profesor Madya Dr. Hidayat Zainuddin

Penasihat

Profesor Madya Ir. Dr. Gan Chin Kim
Ir. Dr. Fairul Azhar bin Abdul Shukur

Ketua Editor

Ir. Dr. Zamani Md Sani

Editor

Pn. Rohaina Jaafar
Dr. Azziddin Mohamad Razali
Dr. Ainain Nur Hanafi
Dr. Azhan Ab Rahman
Pn. Nur Asmiza Selamat
Dr. Hairol Nizam Mohd Shah
Dr. Azrita binti Alias
Pn. Nur Rafiqah Abdul Razif
Pn. Syahar Azalia Ab Shukur
Ts. Syahrul Hisham Mohamad @ Abd Rahman
Dr. Nur Ezyanie Safie

Reka Letak & Reka Bentuk

Pn. Siti Fatimah Kamarudin
Tc. Nurdiana Rasib
Pn. Nor-Aliza Ibrahim
Pn. Zaihasrah Alias
Pn. Normalisza Mustapa

Diterbitkan Oleh

Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektrik (FTKE),
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Hang Tuah Jaya,
76100 Durian Tunggal,
Melaka, Malaysia.
Tel: +606 - 270 2112
E-Mail: ftke@utem.edu.my
Laman Sesawang: <https://ftke.utem.edu.my>

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Ucapan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadirat ilahi kerana dengan izin-Nya, majalah fakulti untuk edisi yang ke-3 tahun 2024 telah berjaya diterbitkan dan telah dinamakan semula kepada FTKE HI-Light selepas penggabungan dua fakulti iaitu FKE dan FTKE pada tahun 2023.

Saya selaku ketua editor, merakamkan jutaan terima kasih, kepada semua pihak sama ada dari Jawatankuasa Penerbitan FTKE dan penyumbang artikel, yang telah bersama-sama berusaha dalam mengumpul dan menghasilkan majalah yang memberi kenangan manis buat warga fakulti. Aktiviti selepas pandemik, telah banyak di nukilkan oleh penulis-penulis yang terdiri daripada staf fakulti sendiri membawa seribu kenangan.

Jawatankuasa Penerbitan FTKE akan terus berusaha agar majalah HI-Light akan menjadi satu tempat untuk penulis, menyimpan segala kenangan aktiviti fakulti untuk menjadi tatapan di masa hadapan. Saya mewakili Sidang Redaksi Majalah HI-LIGHT FKE edisi ke-3 tahun 2024 memohon ampun dan maaf andai terdapat kelemahan dan kekurangan di dalam kandungan majalah ini. Penambahbaikan akan terus dilaksanakan, agar tugas ini dapat dipermudahkan untuk diterbitkan pada masa hadapan.

Salam HI-Light

Ir. Dr. Zamani Md Sani

KANDUNGAN

Seksyen Staf

- Bengkel Pemantapan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Diploma, FTKE 1
- Bengkel Pembelajaran Digital dan Pensijilan 'Apple Teacher' 2
- Taklimat Outcome Based Education (OBE) 3
- FKE, UTeM Successfully Host NBEC 2023 Lab Tours and AI/ Deep Learning Workshop 4
- Majlis Sanjungan Budi Staf Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) UTeM 5
- Program FKE Prihatin: Santuni Golongan Asnaf Sempena Ramadan 1444H 7
- Program Brisk Walk FKE Anjuran Jawatankuasa Kebajikan Staf dan Khidmat Komuniti FKE 2023 8
- Program Ziarah Kasih Eratkan Silaturahmi Bersama Pesara dan Balu Staf FKE 9

Seksyen Tuah

- Program 'FTKE Postgraduate Students Acquaintance Day' 10
- FKE Alumni Sharing Session "Towards Professional Engineer and Sharing Experience" 11
- Bridging Theory and Practice: A Transformative Industry Visit for Mechatronics Students, FKE 12
- Mahkota Charity Run 2023 - Breast Cancer Heroes Run Bersama Pelajar-Pelajar UTeM 14
- Program Mobiliti Pelajar Berkredit (Outbound) FKE, UTeM ke Institut Teknologi Sumatera (ITERA) 15
- Pelajar UTeM Merangkul Kejayaan Pada Pertandingan Penyelidikan Inovasi Nanoteknologi (PIN) Peringkat Kebangsaan 2023 16
- Perkongsian Teknologi Dron Kategori FPV Kepada Pelajar 17
- Pengajaran dan Pembelajaran Bersama Pelajar Tahun 1 Diploma Kejuruteraan Elektrik Untuk Modul Pematerian 18
- Potential Talent Cultivation (PTC 2023) 19
- Research and Innovation Engineering Day 2023 (RADIATE 2023) 20
- Seminar Penyediaan Resume dan Tips Menghadiri Temuduga untuk Pelajar Tahun Akhir UTeM 22
- Control Engineering Workshop @ FTKE - An Initiatives to Integrates Hands- On Control Theory inti Real-World 23
- Konvokesyen Graduan Kedoktoran dan Sarjana FTKE 2023 24
- Engineering The Future of Agriculture: BEKM'S Journey To D'Impian Agro Farm 25
- Relevankah Pembelajaran Mikropemproses Di Universiti Dalam Memperkasa TVET 27

Seksyen Penyelidikan dan Inovasi

- Involvement of E-AMCM Research Group in Technical Symposium TNB Labs 2023 28
- E-AMCM Research Group Won A Gold Medal at The Malaysia Technology Expo 2023 29
- Embracing The Future: Automation In Smart Factories of Industry 4.0 30
- Motion Control Research Laboratory (MCon Lab), FTKE UTeM Opens its Doors to University and Industry Partnership for Cutting-Edge Research 31
- E-BECA UTeM Melebarkan Sayap ke Terengganu 32
- Program Penghayatan & Amalan Hijau 33

Seksyen Karya Kreatif



- Anda Dan Sains, Kejuruteraan Atau Teknologi Bergantung KepadaNya 34
- Eksplorasi Pandangan (Vision) Bukan Konvensional 35

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan dalam sebarang bentuk menggunakan sebarang alat sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektrik (FTKE), Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

©Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Bengkel Pemantapan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Jabatan Kejuruteraan Dan Jabatan Diploma Fakulti Teknologi & Kejuruteraan Elektrik

OLEH: AZRITA BINTI ALIAS



Pada 26 September 2023 bertempat di Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektrik (FTKE), satu Bengkel Pemantapan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Diploma telah diadakan. Program anjuran Jawatankuasa Jaminan Kualiti Akademik dan OBE itu diadakan bagi memantapkan kefahaman berkaitan OBE. Disamping itu, ia juga adalah salah satu langkah penajajaran konstruktif bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang bersesuaian bagi mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan bagi semua program di FTKE iaitu program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Dengan Kepujian (BELG), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik Dengan Kepujian (BELM) dan Diploma Kejuruteraan Elektrik (DEL).

Aturcara bengkel dibahagikan kepada dua sesi, iaitu sesi pagi dan sesi petang. Sesi pagi bermula dari jam 8.30 pagi sehingga jam 12.30 tengahari melibatkan dua orang penceramah iaitu Ketua Jabatan Kejuruteraan FTKE yang pertama, PM. Ir. Dr Md Hairul Nizam bin Talib dan mantan Dekan FKE, PM. Ts. Dr. Muhammad Fahmi bin Misko. Intipati penyampaian PM. Ir. Dr Md Hairul Nizam adalah berfokus kepada perkongsian berkenaan isu-isu semasa OBE. Manakala slot Bersama PM. Ts. Dr. Muhammad Fahmi menyampaikan makluman berkisar dengan 'Aligning Teaching for Constructing Learning'. Program kemudiannya berehat dan disambung pada jam 2.00 petang. Slot petang diadakan dari jam 2.00 petang sehingga jam 4.30 petang. Sesi petang memerlukan staf dipecahkan mengikut program masing-masing iaitu BELG, BELM dan DEL. Intipati sesi petang adalah bagi membincangkan isu-isu berkaitan OBE dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pada semester 1 sesi 2023/2024.

Bengkel yang tamat pada jam 5.00 petang itu berjaya dihadiri seramai 69 pensyarah FTKE

BENGGKEL PEMBELAJARAN DIGITAL DAN PENSIJILAN APPLE TEACHER

Penulis : Dr. Loh Ser Lee

Jawatankuasa e-Pembelajaran dan ICT FKE telah berjaya mengadakan Bengkel Pembelajaran Digital dan Pensijilan Apple Teacher pada 12hb September 2023 di bilik CLEAR, Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Sejumlah sebelas (11) orang staf yang berminat dalam penggunaan digital untuk aktiviti P&P telah menghadiri bengkel tersebut dan berjaya untuk mendapat sejumlah 6 lencana, iaitu lencana iPad, Notes, Pages, Keynote, Numbers, dan Garageband, dan seterusnya berjaya memperoleh gelaran Apple Teacher.



Penceramah, Dr. Zakiah binti Abd Halim, telah dijemput untuk mengajar cara penggunaan aplikasi-aplikasi iPad untuk kegunaan aktiviti P&P. Dr. Zakiah merupakan Apple Professional Learning Specialist yang aktif dalam penggunaan digital untuk menghasilkan bahan-bahan pengajaran yang menarik. Pengajaran Dr. Zakiah yang berlainan dan bersifat menarik telah berjaya menarik perhatian yang sepenuhnya dari kesemua peserta.

Dalam bengkel tersebut, semua peserta telah dimanfaatkan dengan cara penggunaan digital untuk kegunaan P&P, sesi latihan, mesyuarat dan lain-lain. Matlamat bengkel ini telah dicapai dengan sepenuhnya di bawah bimbingan Dr. Zakiah dan melalui kerjasama yang diberikan oleh semua peserta. Diharap bengkel ini dapat diadakan pada masa hadapan untuk memanfaatkan lebih ramai lagi kakitangan akademik di fakulti.



TAKLIMAT OUTCOME BASED EDUCATION (OBE) BERSAMA STAF TEKNIKAL DI FTKE



Taklimat Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE) bersama staf teknikal di Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektrik (FTKE), kampus induk telah diadakan pada 26 September 2023 anjuran Jawatankuasa Jaminan Kualiti Akademik dan OBE. Tujuan bengkel ini dibuat adalah untuk meningkatkan pemahaman yang lebih jelas dan menyeluruh tentang kepentingan dan matlamat OBE dalam pembelajaran di Universiti disamping membantu staf teknikal dalam mengendalikan aktiviti makmal menggunakan kaedah dalam OBE.



Oleh:
Azrita binti Alias

OBE menekankan hasil di mana pelajar perlu faham dan boleh buat pembelajaran yang mereka akan ikuti sebelum pemulaan program atau kursus termasuk yang melibatkan kursus makmal. Ia dikenali sebagai Hasil Program (PO) yang perlu dicapai sebaik sahaja pelajar bergraduasi dan Hasil Pembelajaran (LO) yang mana perlu dicapai sebaik selesai kursus pada hujung semester. Penilaian dibuat berdasarkan PO dan LO yang dibangunkan untuk mengukur prestasi pelajar.

Struktur pendidikan dan kurikulum program Ijazah Kejuruteraan (BELG dan BELM) dan Diploma Kejuruteraan direka untuk mencapai keupayaan yang berketerampil dan berkualiti. Jika hasil tidak dicapai, penambahbaikan program dan kursus akan dilaksanakan untuk memastikan terdapat Peningkatan Kualiti Berterusan (CQI) dalam sistem pendidikan dan penekanan secara berterusan perlu diberikan. Terdapat 12 PO yang telah digariskan untuk program Diploma Kejuruteraan dan Ijazah Kejuruteraan mengikut tahap masing-masing.

Taklimat ini merupakan persediaan FTKE menerima lawatan penilaian akreditasi penuh program BELG pada 16 – 17 Oktober 2023 bagi pelajar yang akan bergraduasi selepas 2023. Taklimat ini melibatkan 19 penolong jurutera yang bertugas di makmal-makmal kampus Induk (Jabatan Kejuruteraan dan Diploma). Penceramah bagi taklimat ini adalah Timbalan Dekan Akademik FTKE yang pertama, Ir. Dr Fairul Azhar bin Abdul Shukor yang berkongsi berkenaan isu-isu berkaitan OBE.

FKE, UT^eM Successfully Host NBEC 2023 Lab Tours and AI/ Deep Learning Workshop

Written by : Dr Norafizah Abas



On September 7, 2023, the Faculty of Electrical Engineering (FKE) proudly hosted a visit for the participants of the 2nd IEEE National Biomedical Engineering Conference (NBEC 2023) to two (2) research facilities. The NBEC 2023 themed, "Adaptation Towards Healthcare Emerging Technology" which was organized by the Engineering Services Division of the Ministry of Health Malaysia (MoH) in collaboration with Universiti Teknologi Malaysia (UTM) and the IEEE Kuala Lumpur section, led participants to explore two research laboratories at FKE related to rehabilitation—the Motion Control Research Lab (MCon Lab) and the Advanced Signal Processing Lab (ADSP Lab).

To enrich the participants' experience, they were divided into two smaller groups. The first group, guided by Dr. Norafizah Abas, a researcher in the Rehabilitation and Assistive Technology (REAT) research group, visited the Advanced Signal Processing Lab (ADSP Lab). This group received enlightenment about systems using EMG signals and the design and development of hand exoskeletons. The session began with a video presentation and a brief introduction to the lab's ongoing research projects, emphasizing projects related to hand exoskeletons and the integration of artificial intelligence in EMG or biosignal processing.

Meanwhile, the second group was led by Pn. Norhaslinda Hasim, under the guidance of Assoc. Prof. Dr. Mariam Md Ghazaly, Head of the Motion Control Research Lab (MCon Lab), explored devices and research technologies related to rehabilitation such as lower limb rehabilitation devices for knee therapy using pneumatic systems, soft actuators and artificial pneumatic muscle actuators which were implemented to various applications. Also, a vest namely V4FISIO, a device for slipped disk physiotherapy was introduced. The visit to the MCon Lab started with a video presentation of the research lab, followed by an on-site tour of on-going research. After a designated period, both groups swapped locations. The first group, after completing their exploration in the ADSP Lab, moved on to the MCon Lab for further insights. Similarly, the second group, after finishing the visit to the MCon Lab, proceeded to the ADSP Lab for the final segment of the laboratory tour.



In addition to the engaging lab tours, participants also took part in a workshop session titled "Introduction to Biosignal Processing and Classification Using AI/ Deep Learning." The workshop session was conducted by Dr. Norafizah Abas and Dr. Tarmizi Izzuddin, both lecturers in Mechatronic Engineering at FKE, UT^eM. The workshop provided participants the fundamental understanding of biosignal processing and classification using artificial intelligence (AI) and deep learning. Tailored for individuals with basic knowledge of signal processing and machine learning, the workshop equipped participants with the skills needed to apply AI and deep learning techniques in biosignal classification. The workshop explored real-world applications of biosignal classification, emphasizing its relevance in healthcare, sports, and various other fields. Participants not only gained a comprehensive understanding of how artificial intelligence and deep learning can enhance biosignal processing and classification but also benefited from practical sessions that offered hands-on experience. These practical exercises allowed participants to apply these techniques effectively in real-world scenarios. As a result, by the end of the session, participants were equipped with the knowledge and skills needed to advance their research and applications in biosignal analysis. This newfound proficiency significantly contributed to advancements in the fields of healthcare, sports science, and beyond, demonstrating the tangible benefits participants gained from the workshop.

The success of FKE, UT^eM in receiving and hosting the lab tour from NBEC 2023 conference participants, along with appointing FKE staff's expertise as speakers for one of the conference's workshop sessions, exemplifies our commitment to the conference theme. Overall, FKE UT^eM successfully provided a satisfying experience for the NBEC 2023 participants.



Majlis Sanjungan Budi Staf Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) UTeM

Fakulti Kejuruteraan Elektrik, FKE yang ditubuhkan sejak tahun 2001 telah melakar 22 tahun kanvas pencapaian yang cemerlang. Fakulti tersegam indah bertemakan jingga yang mewarnai kampus induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka, UTeM

Justeru untuk meraikan serta menghargai jasa, bakti dan kerjasama warga Fakulti dalam memacu kecerlangan FKE, JK Kebajikan Staf & Khidmat Komuniti FKE diberi mandat oleh pihak Fakulti menganjurkan sebuah majlis Hi-Tea dengan nama Majlis Sanjungan Budi Staf Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) UTeM.



Mohamad Riduwan Md. Nawawi
Jawatankuasa Kebajikan Staf & Khidmat Komuniti FKE



Dengan bertemakan 'Sapphire Blue with Gold or Orange' majlis apresiasi ini telah diadakan pada hari Isnin, 11 September 2023 jam 2.30 petang di Hotel Ames Ayer Keroh Melaka. Semua warga FKE menghadiri majlis yang amat bermakna ini.

Selain daripada lebih 100 hadiah cabutan bertuah yang ditawarkan, majlis ini turut menghargai ikon-ikon dari kalangan warga FKE yang telah memberikan komitmen serta khidmat kepada pembangunan Fakulti. Disamping itu, terdapat hadiah-hadiah menarik untuk pemenang Kuiz Sanjungan Budi FKE, acara fun-fact FKE, teka barang dan hadiah misteri. Turut menceriakan lagi suasana majlis, dua orang warga FKE telah dinobatkan sebagai King and Queen of the Evening.



Majlis Sanjungan Budi ini merakamkan penghargaan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua warga FKE yang telah bersama-sama berperanan dengan Fakulti melalui asagaram sebagai Pusat Tanggungjawab yang berteraskan operasi pembangunan dan kecemerlangan akademik. Semoga semua akan terus maju dan memberikan komitmen kepada pihak Fakulti untuk dulu kini dan masa akan datang.

“FKE always in our best memories, and look forward to a new horizon at FTKE”



PROGRAM FKE PRIHATIN: SANTUNI GOLONGAN ASNAF SEMPENA BULAN RAMADAN 1444H

Penulis: Wahidah Binti Abd Halim

Program FKE Prihatin telah berjaya dilaksanakan pada hari Jumaat, 14 April 2023 bersamaan 23 Ramadan 1444H. Program ini merupakan program kali ketiga seumpamanya yang telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Kebajikan Staf dan Khidmat Komuniti, Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dengan kerjasama staf FKE sempena bulan Ramadan 1444H bagi menyantuni golongan asnaf yang tinggal di sekitar Kesang, Jasin, Melaka.



Seramai 15 orang penerima manfaat bagi Program FKE Prihatin pada tahun 2023 ini. Penyampaian sumbangan telah disampaikan oleh Ts. Dr. Hazriq Izzuan bin Jaafar, Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar), FKE dengan kerjasama wakil staf dan pelajar FKE serta En. Yusri bin Othman, selaku Imam Surau Taman Desa Kesang sebagai wakil penduduk. Penyerahan bantuan sumbangan telah diedarkan di Balai Raya Kesang Pajak dan kunjungan turut diadakan ke rumah-rumah penerima manfaat yang uzur. Sumbangan yang diberikan adalah dalam bentuk wang tunai serta pek makanan berupa biskut raya, kerepek, ketupat segera dan bihun.

Program sebegini diharap dapat memberikan keceriaan kepada semua penerima manfaat agar dapat sama-sama merasai kemeriahan menyambut Hari Raya Aidilfitri selain mengeratkan lagi ikatan silaturrahim antara staf FKE dengan komuniti setempat. Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat samada secara langsung mahupun tidak, terutama sekali kepada para penyumbang yang telah turut sama membantu merealisasikan program ini.



PROGRAM BRISK WALK FKE

ANJURAN JAWATANKUASA KEBAJIKAN STAF
DAN KHIDMAT KOMUNITI FKE 2023

PENULIS: MOHD SAIFUZAM BIN JAMRI



Pada 14 Ogos 2023, Jawatankuasa Kebajikan Staf dan Khidmat Komuniti Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) telah menganjurkan satu program Brisk Walk untuk seluruh warga FKE dengan kerjasama Unit Keselamatan UTeM. Tujuan program ini diadakan adalah bagi memberi peluang kepada semua warga kerja FKE untuk merehatkan minda setelah penat bekerja di siang hari disamping beriadah bersama. Program yang bermula pada sekitar pukul 4.45 petang ini meletakkan pelan laluan yang bermula dan berakhir di bangunan pentadbiran FKE. Laluan yang digunakan adalah seperti Kompleks Sukan, Stadium Utama dan Padang Ragbi iaitu kira-kira jarak sejauh 5km.



Seramai kira-kira 80 orang yang terdiri daripada warga kerja FKE telah menyertai dan melengkapkan program ini yang berakhir pada sekitar pukul 6 petang. Diharapkan program seperti ini dapat dilakukan secara kerap demi memupuk budaya sihat di kalangan warga kerja dan boleh dijadikan sebagai satu aktiviti riadah bersama keluarga pada masa akan datang. Jawatankuasa Kebajikan Staf FKE dan Khidmat Komuniti mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh warga kerja FKE kerana menayakan program ini.



PROGRAM ZIARAH KASIH ERATKAN SILATURAHIM BERSAMA PESARA DAN BALU STAF FKE

OLEH: WAHIDAH ABDUL HALIM

Jawatankuasa Kebajikan Staf dan Khidmat Komuniti, Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dengan kerjasama staf FKE telah menjayakan Program Ziarah Kasih dari 15 April hingga 19 Mei 2023 bagi merapatkan hubungan silaturahim bersama pesara dan balu staf FKE sempena Hari Raya Aidilfitri 1444H/2023. Seramai 4 orang pesara dan 2 orang balu staf FKE telah disantuni melalui Program Ziarah Kasih ini iaitu :-

1. Prof. Emeritus Datuk Dr. Mohd Ruddin Bin Ab. Ghani
2. Prof. Ir. Dr. Marizan Bin Sulaiman
3. Prof. Madya Ir. Dr. Rosli Bin Omar
4. Prof. Madya Md. Noah Bin Jamal
5. Pn. Rosmalaili Binti Rahmat, balu Allahyarham Ir. Dr. Aminudin Bin Aman, bekas Pensyarah FKE, UTcM
6. Pn. Nur Khoiriyah Zaini, balu Allahyarham M. Nazri Bin Osman, bekas Penolong Jurutera FKE, UTcM

Program Ziarah Kasih pada tahun 2023 ini adalah julung kali diadakan hasil kutipan sumbangan daripada warga staf FKE. Sumbangan yang diberikan adalah dalam bentuk wang tunai serta pek makanan berupa biskut raya dan kerepek sebagai tanda ingatan. Kesemua pesara dan balu yang dikunjungi menzahirkan rasa gembira dan mengucapkan terima kasih di atas saguhati Hari Raya Aidilfitri yang telah diterima.

NAIK PEDATI PERGI BERTAPA,
MEREDAH PEPOHON JALAN BERIRINGAN,
JASA DAN BAKTI TIDAK DILUPA,
SERIBU TAHUN JADI KENANGAN.





PROGRAM 'FTKE POSTGRADUATE STUDENTS ACQUAINTANCE DAY'

NUR ILYANA ANWAR APANDI

FTKE untuk pertama kalinya telah mengadakan PROGRAM FTKE POSTGRADUATE STUDENTS ACQUAINTANCE DAY 2023 pada 1 November 2023, Rabu. Program suai kenal ini bagi memperkasakan jaringan hubungan baik antara pihak Universiti dengan para pelajar siswazah bagi peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah di FTKE khususnya. Program ini telah melibatkan seramai 30 orang pelajar siswazah FTKE.

Tujuan utama program ini diadakan adalah sebagai platform kepada pelajar siswazah untuk lebih memahami peraturan dan perjalanan pengajian sebagai pelajar siswazah di FTKE khususnya dan UTeM amnya. Selain itu, program ini juga bertujuan utk memberi pendedahan berkaitan fungsi setiap makmal-makmal penyelidikan di FTKE kepada pelajar siswazah bagi menggalakkan penglibatan secara langsung dan tidak langsung dalam penyelidikan yang berkaitan.

Antara program yang dijalankan bermula dari taklimat oleh Prof Ir Dr Gan Chin Kim selaku Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pengajian Siswazah) FTKE, sesi perkongsian oleh Ir. Dr. Imran Bin Sutan Chairul selaku Alumni siswazah FTKE dan sesi lawatan pengenalan ke makmal-makmal penyelidikan di FTKE yang diiringi oleh Ketua Program Doktor Falsafah. Antara makmal yang dilawati adalah, Makmal Penyelidikan Solar, Makmal Penyelidikan Mesin Elektrik, Makmal Penyelidikan Elektronik Kuasa dan Pemacu, Makmal Penyelidikan Robotik dan Automasi Industri, Makmal Penyelidikan 'Unmanned Systems Technology' (Teknologi Sistem Tanpa Manusia), Makmal Penyelidikan 'Advanced Digital Signal Processing' (Pemprosesan Isyarat Digital Lanjutan) serta Makmal Voltan Tinggi. Beberapa staf FTKE turut hadir sama untuk memberikan taklimat ringkas di makmal penyelidikan yang berkaitan, antaranya Dr. Kyairul Azmi Bin Baharin, Dr. Siti Azura Binti Ahmad Tarusan, Ir. Fauzal Naim Bin Zohedi, dan Dr. Norafizah Binti Abas.



FKE Alumni Sharing Session “Towards Professional Engineer and Sharing Experience”

WRITTEN BY
Arfah Binti Ahmad



On April 12, the Alumni and Graduate Employability Committee of the Faculty of Electrical Engineering (FKE) organized an alumni sharing session. The sharing session is targeting all UTeM students, focusing on final semester student. The sharing session is part of seminar that need to be organized under course of Engineers and Society (BENG 4322). For this purpose, Ir. Muhammad Razmi bin Razali was invited to deliver the speech and share his experience of working as an engineer and explaining the process involve in getting a professional engineer.

The seminar started with an introduction of the program and biography of the speaker by Dr. Arfah Ahmad, head of the FKE Alumni Committee. The speaker that is Ir. Muhammad Razmi is an FKE alumni who received his bachelor's degree in Mechatronics Engineering in 2012 and received his master's degree in Mechatronics Engineering in 2013.

He has an extensive experience as an engineer, researcher, and engineering lecturer. He is one of the pioneer professional engineers in mechatronic engineering.

During the session, Ir. Muhammad Razmi shared regarding his experience as a test engineer in the industry and his research project. He also giving an explanation on the process involved in BEM registration, and how to become a professional engineer. Besides that, he also shared about his salary, the challenges as an engineer, and his responsibilities as an engineering lecturer. Around 250 students from different faculties participated in the sharing session. Towards the end of the session, the attendees excitedly asked few questions to the speaker regarding his experience. The sharing session ended with the presentation of gift to the speaker by Prof. Dr Mariam bt Md Ghazaly, as a token of appreciation on his willingness in delivering the speech.

Findings from the alumni survey by the FKE Alumni Committee show that the number of alumni registered with BEM has been very low over the past few years. Thus, another purpose of the sharing session is to encourage students to register for the Board of Engineers (BEM) once they graduate from university. Thus, the FKE alumni sharing session is considered an effort taken by FKE Alumni and the Graduate Employability Committee to encourage and increase the number of alumni registered with BEM.



Bridging Theory and Practice: A Transformative Industry Visit for Mechatronics Students, FKE.

Writer: Dr Norafizah Abas

In an era where technological advancements are rapidly transforming industries, it has become imperative for educational institutions to bridge the gap between theoretical knowledge and practical application. Recognizing this need, a group of 100 Mechatronics students enrolled in the Introduction to Control Systems (BEKC3533) course, have participated in an educational industry visit to three (3) prominent industries: Retroth Borsch Sdn. Bhd., CTRM Aero Composite Sdn. Bhd., and Konica Minolta Sdn. Bhd. Each industry offered unique insights into various aspects of mechatronics.

These visits, were led by the subject coordinator Dr. Norafizah Abas, accompanied by esteemed lecturers Dr. Ainain Hanafi, Dr. Mohd Rusdy Yaacob, and Assoc. Prof. Dr. Mariam Md Ghazaly, aimed to provide students with a profound understanding of how engineering theory intertwines with real-world applications.

The industry visits, which took place on June 9, June 26, and June 28, 2023, offered a great opportunity for students to immerse themselves in the technological marvels of each company. Divided into groups, the students were separately assigned to participate in visits to different industries. Upon their return, each representative shared their newly acquired knowledge and experiences with their respective groups, fostering a collaborative learning environment.

The primary goal of this industry visit was to provide students with hands-on exposure to the cutting-edge technologies employed in various industries. By witnessing the practical application of mechatronics principles, the students gained valuable insights into



how their theoretical knowledge could be applied to address real-world challenges. Furthermore, the visit facilitated a direct connection between the introductory subject of control systems and their applications within different industries. By identifying and discussing examples of control systems present in the visited industries, the students were able to solidify their understanding of the subject matter.

At Retroth Borsch, students were introduced to the collaborative robot (Kassow robot), witnessing firsthand its seamless integration into an assembly line. Students were allowed to control and operate the robot using the teach pendant. Furthermore, they gained exposure to a small PC application employed in the production process, showcasing the practical implementation of mechatronic principles.



The visit to CTRM Aero Composite proved to be an eye-opening experience for the students as they delved into the manufacturing processes of airplane parts, including wings and critical components. They witnessed the precision and sophistication behind the preparation of these parts, gaining insights into the stringent quality standards of the aerospace industry. Furthermore, students were exposed to cutting-edge technologies such as automatic spare part machines and CNC machines, which highlighted the intersection of mechatronics and advanced manufacturing.

Students exploring Konica Minolta Sdn Bhd were immersed in the world of manufacturing through visits to three distinct areas: toner manufacturing, DVDR production, and warehouse management. The assembly line operations, coupled with the employment of a 6-axis robot for specific tasks and a robotic arm for palletizing, demonstrated the integral role of mechatronics in optimizing efficiency. The visit also provided a glimpse into the warehouse's automated management system, equipped with an automatic retrieval system and AGV systems for spare parts delivery. Each of these technologies underscored the profound relevance of mechatronics in the industry.

To summarize, this remarkable industry visit was a success in terms of enriching the education of Mechatronics students. The opportunity to explore Retroth Borsch, CTRM Aero Composite, and Konica Minolta Sdn Bhd proved invaluable in providing students with a deeper understanding of cutting-edge technologies and applications within the industry. By linking theory with practice, this visit has effectively prepared the students to become well-rounded mechatronics graduates who can contribute meaningfully to the demands of the industry.

MAHKOTA CHARITY RUN 2023- BREAST CANCER HEROES RUN BERSAMA PELAJAR-PELAJAR UTEM.

Penulis : SYAHAR AZALIA BINTI AB SHUKOR



Larian bermula pada jam 6.55 pagi dengan dua laluan yang dibuat oleh pihak penganjur. Laluan pertama adalah untuk kategori larian 10KM dan laluan kedua adalah untuk kategori larian 3KM (Fun Run). Untuk peserta tajaan dari pihak UTeM, ramai memilih untuk larian 3KM (Fun Run). Alhamdulillah selama 45 minit, ada yang memilih untuk berlari dan juga berjalan, akhir para peserta sampai ke garisan penamat. Pada masa ini, para peserta terus dikalungkan dengan medal finisher dan mendapat goodies seperti air, roti dan sebiji pisang. Dan selepas larian ini, terdapat juga pelbagai lagi program yang dianjurkan iaitu cabutan bertuah, pemeriksaan kesihatan secara percuma, kuiz mengenai kesedaran tentang breast cancer dan terdapat pelbagai hadiah dan cenderahati untuk setiap acara yang disertai para peserta dan pengunjung yang hadir.



Raikan PINK OCTOBER bersama MAHKOTA CHARITY BREAST CANCER HEROES RUN 2023. Larian ini telah berlangsung pada 8 Oktober 2023 iaitu hari Ahad, bertempat di Mahkota Medical Centre, Melaka. Terima kasih kepada Mahkota Medical Centre kerana telah menaja program larian amal ini selaku penaja utama. Ada dua kategori larian, 10KM dan 3KM (Fun Run). Penyertaan daripada UTeM terdiri daripada staf pentadbiran dan staf akademik UTeM, antaranya Puan Syahar Azalia binti Ab Shukor, Puan Atikah binti Razi, Dr. Khairun Nisa binti Khamil serta beberapa orang staf lagi disamping pelajar-pelajar UTeM dari pelbagai fakulti. Seawal jam 5.30 pagi semua yang terlibat telah berkumpul di Kolej Kediaman Lestari, Al-Jazari dan Satria untuk menaiki bas UTeM yang telah disediakan.

Tepat jam 6.00 pagi, bas mula bergerak menuju ke arah bandar Melaka. Perjalanan mengambil masa kurang lebih dari 35 minit. Sepanjang perjalanan masing-masing teruja untuk menyertai larian ini. Setiba sampai di perkarangan Mahkota Medical Centre, staf dan pelajar menunaikan solat Subuh terlebih dahulu. Setelah itu, semua yang terlibat perlu membuat pendaftaran dan menerima beberapa cenderamata antaranya bib, woven beg, pelbagai makanan dan minuman dan T-Shirt warna merah jambu yang sangat cantik. Di samping itu, terdapat pelbagai booth di tempat acara larian tersebut. Para peserta bersiap sedia dengan pemakaian BiB yang diberikan. Ada juga yang sempat untuk melawat satu per satu booth yang ada di perkarangan Mahkota Medical Centre tersebut. Ada pelbagai minuman kesihatan yang telah disediakan oleh pihak penganjur dan penaja-penaja lain juga untuk para peserta yang hadir. Terdapat pelbagai booth yang disediakan bagi para peserta diperkarangan Mahkota Medical Centre yang menawarkan pelbagai minuman yang disediakan oleh pihak penganjur juga dengan kerjasama penaja-penaja yang mengambil bahagian.



Pada jam 12.30 tengahari, bas UTeM telah sampai diperkarangan Mahkota Medical Centre dan semua peserta dari UTeM telah berkumpul dan menaiki bas untuk pulang semula ke Kampus Induk, UTeM. Alhamdulillah satu program yang sangat santai dan mengembirakan untuk semua peserta yang menyertainya. Terima kasih UTeM dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) kerana telah menaja para staf dan pelajar UTeM untuk menyertai program yang penuh bermakna dan memberi kesedaran tentang gaya hidup sihat di kalangan warga UTEM.

PROGRAM MOBILITI PELAJAR BERKREDIT (OUTBOUND) FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK (FKE), UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTEM) KE INSTITUT TEKNOLOGI SUMATERA (ITERA)



27 Ogos 2023 - Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) telah menghantar pelajar ke Program Mobiliti Outbound Berkredit antara Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan Program Studi Teknik Elektro, Jurusan Teknologi Produksi dan Industri, Institut Teknologi Sumatera (ITERA). Melalui kerjasama MoU yang telah ditandatangani bersama ITERA, FKE memberi peluang kepada sembilan (9) orang pelajar dari Tahun 2 dan dan Tahun 3 sesi 1- 2023/2024, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (BEKG) bagi mengikuti Program Mobiliti Outbound Berkredit di Program Studi Teknik Elektro, Jurusan Teknologi Produksi dan Industri, Institut Teknologi Sumatera (ITERA) bermula 28 Ogos 2023 hingga 22 Disember 2023.

Diantara pelajar yang terlibat adalah seperti berikut:

- 1.Nur Khalidah Yasmin Binti Kabul Yamin
- 2.Amir Haziq Bin Nordin
- 3.Raimi Afif Bin Roslan
- 4.Muhammad Fauzan Bin Mohd Mohlim
- 5.Ahmad Adnin Bin Abdul Hai
- 6.Denishkumar A/L Baskaran
- 7.Ahmad Al-Syukri Bin Deraoh
- 8.Muhammad Aiman Tahfiz Bin Mohd Norshamsuri
- 9.Muhammad Akmal Faris Bin Mahadi Azmi

Program mobiliti berkredit pelajar ini adalah bertujuan memberi pendedahan dan pengalaman pembelajaran pelajar di peringkat antarabangsa. Selain itu, program ini dapat memberikan perkongsian ilmu diantara pelajar, memberi peluang jaringan kerjasama di dalam aktiviti akademik serta penyelidikan, pengalaman kepada pelajar melalui pertukaran budaya, dan meningkatkan kefahaman mereka mengenai isu dan perspektif antarabangsa berkaitan dengan bidang ilmu yang diceburi. Pelajar juga dapat mempraktikkan ilmu yang dipelajari dan memahami apa yang dipelajari selain meluaskan aktiviti berlandaskan MoU/MoA yang akan ditandatangani antara UTeM dengan ITERA.

Delegasi FKE yang mengiringi keberangkatan pelajar diketuai oleh Prof Madya Dr Rozaimi Bin Ghazali bersama-sama Dr Aimie Nazmin Bin Azmi.

WRITTEN BY

*Jawatankuasa Pengantarabangsaan dan
Mobiliti, Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)*

PELAJAR UTEM MERANGKUL KEJAYAAN PADA PERTANDINGAN PENYELIDIKAN INOVASI NANOTEKNOLOGI (PIN) PERINGKAT KEBANGSAAN 2023

PENULIS: MOHD FIRDAUS BIN MOHD AB HALIM



Pusat Nanoteknologi Kebangsaan (NNC), MOSTI mengambil inisiatif untuk mengadakan Pertandingan Projek Penyelidikan Inovasi Nanoteknologi (PIN) Peringkat Kebangsaan 2023 yang berlangsung pada 8 dan 9 Oktober 2023. Pertandingan ini diadakan bertujuan memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk membentangkan idea kreatif dan inovatif dalam penyelidikan serta pembangunan nanoteknologi yang merangkumi penghasilan bahan, teknologi dan aplikasi nanoteknologi dalam pelbagai sektor.

Seramai 10 finalis dari kalangan universiti tempatan telah membentangkan projek mereka sewaktu pertandingan tersebut. Pelajar UTeM telah dinobatkan sebagai pemenang bagi kategori Sarjana Muda dan telah menerima hadiah wang tunai RM1500,00 bersama trofi. Kemenangan ini sangat manis kerana kategori sarjana muda merupakan kategori yang baru dipertandingkan pada tahun ini, dan pelajar UTeM telah memenangnya dengan mengalahkan 9 peserta dari pada universiti penyelidikan yang lain.

Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik telah menghantar seorang wakil, Sarweash Rao A/L Tharma Raja daripada program Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) menyertai pertandingan tersebut dalam kategori Sarjana Muda. Tajuk projek yang dibentangkan ialah Concentric Magnetic Gear (CMG) Employing High Torque Density And Efficient Nano Powdered Neodymium Iron Boron (NdFeB) For Electric Vehicle Application.




PERKONGSIAN TEKNOLOGI DRON KATEGORI FPV KEPADA PELAJAR



Bersempena dengan penganjuran hari RADIATE 2023 FKE pada 21 Jun 2023, fakulti juga telah mengadakan satu pameran dan pertunjukan dron di perkarangan lobi FKE. Pameran ini diadakan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pengunjung yang datang tentang teknologi dron di bawah kategori FPV (First Person View) yang telah menjadi salah satu sukan hobi yang di iktiraf dunia. Beberapa sekolah menengah di sekitar negeri Melaka iaitu SMK Paya Rumput, SMK Hang Kasturi, SMK Dato Budiman, SMK Gajah Behrang dan SMK Seri Mahkota telah datang berkunjung ke pameran tersebut sambil melihat projek-projek inovasi yang dipamerkan oleh pelajar FKE dalam penganjuran RADIATE 2023.



Pameran dan pertunjukan dron telah diadakan selama tiga hari bermula pada 20 Jun 2023 sehingga 22 Jun 2023. Di sepanjang pameran tersebut, pengunjung diberi penerangan tentang perbezaan dron FPV mengikut kategori dan saiz binaan. Pengunjung juga diberi peluang untuk merasai dan mempelajari cara mengawal dan mengendalikan dron FPV melalui simulasi. Dalam perkongsian ini juga, pengunjung dapat mengetahui tentang komponen penting yang perlu ada di dalam sesebuah dron FPV dan cara membuat langkah permulaan bagi mereka yang berkeinginan untuk memiliki dan menguasai teknik mengawal dron FPV.



PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERSAMA PELAJAR TAHUN 1 DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK UNTUK MODUL PEMATERIAN.

Penulis : SYAHAR AZALIA BINTI AB SHUKOR



Di bawah Jabatan Pengajian Diploma, Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektrik, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, pada setiap semester 1 akan ditawarkan matapelajaran Asas Kemahiran Elektrik dengan kod DELP 1111 untuk pelajar tahun 1 pengajian Diploma (1 DEL). Ketua penyelarasan untuk matapelajaran Asas Kemahiran Elektrik, DELP 1111 ini adalah Puan Syahar Azalia binti Ab Shukor dan seramai 11 orang tenaga pengajar telah dilantik untuk mengendalikan kesemua modul di dalam matapelajaran ini.

Kandungan matapelajaran ini dibahagi kepada tiga (3) jenis modul pengajaran yang terdiri daripada Modul Asas Pengukuran Elektronik, Modul Asas Pematerian dan Modul Asas Pengaturcaraan dan Arduino. Ketiga-tiga modul ini diakhir semester akan dapat membantu para pelajar tahun satu (1) untuk lebih memahami dan tahu untuk menggunakan komponen-komponen asas elektronik dan elektrik dengan cara yang tepat dan betul. Mereka juga dapat mempelajari kemahiran asas dan proses-proses untuk mengendalikan komponen dengan baik, pemasangan litar lengkap yang kemas dan betul serta dapat membuat uji litar dengan yang tepat dengan bantuan tenaga pengajar dan penolong jurutera yang telah dilantik bagi setiap modul.



Untuk Modul Asas Pematerian, ia dikendalikan oleh dua orang tenaga pengajar untuk seksyen 1 iaitu Puan Syahar Azalia binti Ab Shukor dan Puan Norhazilina binti Bahari, manakala bagi seksyen 2 pula, tenaga pengajarnya adalah Puan Atikah binti Razi dan Puan Syahar Azalia binti Ab Shukor. Sesi makmal ini dijalankan pada setiap hari Rabu dan Khamis bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi. Sesi makmal berlangsung selama tiga (3) jam.



Untuk minggu pertama, pelajar diperkenalkan dengan semua komponen dan peralatan yang berkaitan dengan pematerian serta teknik atau proses pematerian yang betul. Setiap pelajar perlu membuat tugas yang telah diberikan bersama ahli kumpulan masing-masing iaitu maksimum tiga orang pelajar setiap kumpulan. Tugas tersebut perlu dibuat dan disiapkan di dalam tempoh masa tiga minggu yang diberikan. Pada minggu terakhir, para pelajar perlu menyiapkan proses pematerian agar kelihatan kemas dan teratur. Pelajar juga perlu membuat uji litar masing-masing agar setiap hasil kerja berfungsi dengan baik. Setelah membuat uji litar, jika bacaan voltan keluar seperti mana yang telah ditetapkan iaitu antara +9V, ia menunjukkan projek itu telah berjaya. Semasa proses ini berlangsung, para pelajar akan diajukan dengan beberapa soalan untuk menguji tahap kefahaman untuk modul ini.

Untuk setiap modul di dalam matapelajaran ini, para pelajar akan mendapat markah sebanyak 25% dan didalam matapelajaran ini juga diadakan satu Pertandingan untuk mempertandingkan mini projek yang akan dihasilkan oleh para pelajar berdasarkan gabungan setiap modul yang telah dipelajari. Modul pematerian ini adalah salah satu modul yang akan pelajar gunakan untuk membuat mini-projek untuk Pertandingan Innovation Competition Exhibition (ICE) yang berlangsung pada minggu-14 iaitu pada minggu akhir semester satu (1) ini. Di akhir sesi makmal untuk modul pematerian ini, para pelajar yang tidak pernah terdedah atau mengenal teknik pematerian, proses-proses semasa pematerian dan alat-alatan yang digunakan untuk membuat pematerian telah mempelajarinya dengan terperinci dan berjaya mendapat hasil kerja yang terbaik. Tahniah dan syabas buat seluruh para pelajar tahun satu (1) Diploma Kejuruteraan Elektrik semester 1 sesi 2023/2024 dan para pengajar yang terlibat. Terima kasih atas kerjasama yang baik yang telah diberikan.

Potential Talent Cultivation (PTC 2023)

Jawatankuasa Pembangunan Pelajar (JKPP), Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Persatuan Pelajar FKE (SAFEE) telah berjaya menganjurkan program kali kedua iaitu Potential Talent Cultivation 2023 (PTC 2023). Program ini bertujuan untuk mengadakan sesi perkongsian pengalaman kepada pelajar dan seterusnya memotivasikan pelajar dalam memupuk bakat yang sedia ada bagi mencapai kejayaan. Program ini telah diadakan secara bersemuka di Dewan Kuliah 2 (BK2), Aras2, Bahagian Pengurusan Akademik, pada 26 Mei 2023 dari pukul 3.00 petang sehingga 5.00 petang.

Program ini telah berjaya dikelolakan dengan jayanya oleh Saudari Erinsuryani sebagai Pengarah program bersama-sama dengan ahli-ahli SAFEE yang lain, beserta bantuan dan sokongan Dr. Ahmad Aizan bin Zulkefle selaku Ketua JKPP, Pn. Atikah binti Razi sebagai Setiausaha JKPP, dan Penasihat Program iaitu Ts. Dr Hazriq Izzuan bin Jaafar selaku Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar (TDPP) FKE.

Program ini diadakan bertujuan untuk mengadakan sesi perkongsian dari segi pengalaman dan kepakaran oleh penceramah dari kalangan pelajar FKE kepada pelajar FKE berkaitan pencapaian mereka didalam bidang akademik dan kurikulum yang berkualiti dan berimpak tinggi. Program ini bermula dengan ucapan daripada Profesor Madya Dr Hidayat bin Zainuddin selaku Dekan FKE. Sesi seterusnya ialah sesi "Sharing Session" oleh Saudara Fairoz bin Roslee dari pelajar separa masa FKE dan Saudara Farrez Irsyad bin Md Noor dari pelajar Tahun 4 BEKG. Akhir sekali, sesi penyampaian Anugerah Dekan kepada para pelajar telah disampaikan oleh Dekan FKE dan Majlis Perasmian program FKE Buddies yang turut dirasmikan oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik.

Pihak jawatankuasa juga berharap dengan adanya sesi perkongsian melalui Program PTC 2023 dapat membakar semangat pelajar-pelajar FKE supaya terus maju dan berdaya saing sejajar dengan Dimensi TUAH UTeM iaitu Tangkas, Unggul, Adaptif dan Holistik.

FKE berharap program PTC akan menjadi sesi perkongsian tahunan untuk pelajar-pelajar FKE di masa hadapan. Sekali lagi, tahniah kepada semua pelajar-pelajar yang menerima Sijil Anugerah Dekan serta pelantikan mentor FKE UTeM.

Semoga dengan kerjasama SAFEE dan Jawatankuasa Pembangunan Pelajar (JKPP) dapat sama-sama kita merealisasikan impian "Menjajar Universiti Melonjak Ke Hadapan".



**Atikah Razi, Dr. Ahmad Aizan
Zulkefle, Dr. Hazriq Izzuan Jaafar**
Jawatankuasa Pembangunan Pelajar
(JKPP), Fakulti Kejuruteraan Elektrik
(FKE), Universiti Teknikal Malaysia
Melaka (UTeM) dengan kerjasama
Persatuan Pelajar FKE (SAFEE)

RESEARCH AND INNOVATION ENGINEERING DAY 2023 (RADIATE 2023)



Hasil penulisan:

Atikah Razi, Ahmad Aizan Zulkefle, Hazriq Izzuan Jaafar

Jawatankuasa RADIATE 2023, Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama tujuh Jawatankuasa FKE dan persatuan pelajar FKE (SAFEE) telah berjaya menganjurkan program kali kedua iaitu Research and Innovation Engineering Day 2023 (RADIATE 2023).”

Program RADIATE 2023 melibatkan kerjasama Jawatankuasa pentadbiran di FKE iaitu Jawatankuasa Pembangunan Pelajar (JKPP), Jawatankuasa Projek Tahun Akhir, Jawatankuasa Reka Bentuk Projek Bersepadu, Jawatankuasa Pelaksanaan Makmal Dan Bengkel, Jawatankuasa Promosi, Jawatankuasa e-Pembelajaran Dan ICT, Jawatankuasa Keselamatan Pekerjaan Dan Kelestarian Alam Sekitar, serta penglibatan persatuan pelajar FKE iaitu SAFEE. Jumlah besar ahli Jawatankuasa RADIATE adalah seramai 67 orang staf FKE dan 35 orang pelajar SAFEE serta petugas RADIATE telah dilantik.

“Panel IAP yang terlibat terdiri daripada Ir. Abu Bakar bin Ishak dari JKR Melaka, Ir Hj Mohd Khoushaini dari Petronas Sg. Udang, Ts. Mohd Hazwan Zulkefly dari SIRIM, Ir. Lin Shon Nyin dari TNB, Puan Khairunnisa binti Muhammad Mokhtar dan Encik Ahmad Faris bin Mohd Azam merupakan wakil industri, masing-masing dari Syarikat Makwe Engineering dan Syarikat Dotmy Digital Sdn. Bhd”



Program ini merupakan salah satu instrumen penilaian yang digunapakai dalam mengetengahkan dan mencungkil kreativiti dan inovasi pelajar. Semasa proses penilaian, kemahiran insaniah pelajar, keberhasilan projek dan impak kepada industri dan masyarakat telah dinilai. Seramai 6 orang Panel Penasihat Industri (IAP)/wakil industri dan 23 orang staf akademik UTeM dilantik sebagai panel penilai IDP, seramai 5 orang IAP/wakil industri dan 8 orang staf akademik FKE telah dilantik sebagai panel penilai EPIC, seramai 73 orang staf akademik FKE telah dilantik sebagai panel penilai projek FYP dan ProDip. Menjadikan jumlah besar panel penilai Program RADIATE 2023 melibatkan seramai 115 orang panel penilai yang terdiri dari kalangan IAP, wakil industri dan staf akademik UTeM



RADIATE 2023 telah menyerahkan 26 Anugerah RADIATE yang menobatkan 10 projek terbaik dari setiap kategori FYP dan ProDip dan 6 projek terbaik dari EPIC. Hadiah kepada para pemenang merupakan sumbangan dari penaja bersama RADIATE 2023. Penaja bersama RADIATE 2023 terdiri daripada Persatuan IEEE Engineering in Medicine and Biology Society (IEEE-EMBS) dan Persatuan IEEE Control Systems Society (IEEE-CSS). Jawatankuasa RADIATE 2023 mengucapkan jutaan terima kasih atas sumbangan tajaan yang diberikan. Semua pelajar yang terlibat diberikan sijil penyertaan dan mata nilai didalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP) bertujuan untuk meningkatkan kompetensi pelajar-pelajar FKE sejajar dengan Dimensi TUAH UTeM iaitu Tangkas, Unggul, Adaptif dan Holistik.

Pada masa yang sama, pihak fakulti melalui Jawatankuasa Promosi FKE juga telah melaksanakan hari terbuka melalui Program RADIATE 2023 dengan menerima kunjungan serta lawatan dari 5 sekolah di sekitar Melaka.

Seminar Penyediaan Resume dan Tips Menghadiri Temuduga untuk Pelajar Tahun Akhir UTeM

Penulis: Arfah Binti Ahmad

Satu seminar berkaitan penyediaan resume dan tips menghadiri temuduga telah diadakan pada 6 Disember 2023, Rabu di Dewan Kuliah 1, Kompleks Dewan Kuliah UTeM. Seminar ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Kebolehpasaran Pelajar, Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektrik (FTKE), UTeM dengan Kerjasama Pusat Pengurusan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan (PPAKG), UTeM.. Program ini diketuai oleh Dr. Nurul Ashikin binti Mohd Rais, selaku ketua jawatankuasa di bantu oleh Dr. Nik Syahrim bin Nik Anwar (setiausaha jawatankuasa).

Seminar ini merupakan salah satu inisiatif yang diambil oleh pihak fakulti dalam usaha untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar tahun akhir di UTeM yang akan bergraduat pada tahun hadapan. Penceramah bagi program ini adalah Encik Muhammad Isa bin Ishak dan Prof. Madya Dr. Mariam Binti Md. Ghazaly. Encik Muhammad Isa adalah Alumni FTKE, UTeM yang kini sedang berkhidmat sebagai jurutera projek di Antah Schindler Sdn.Bhd. Prof. Madya Dr. Mariam adalah seorang Profesor Madya di FTKE yang berpengalaman luas dalam memberi pendedahan kepada para pelajar berkaitan cara untuk mendapatkan pekerjaan dalam bidang kejuruteraan dan teknologi kejuruteraan.

